

Alumni UMS Usahakan Industri Ternakan Ayam Secara Besar-Besaran

Terakhir dikemaskini: Isnin, 17 Disember 2018 15:29 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 155

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 17
DISEMBER**
- ‘Hulu
Langat Free
Range
Chicken’
hasil kudrat
ikon Alumni
Universiti
Malaysia
Sabah
(UMS), Dr.
Toong Foo
Weng mampu
menghasilkan
lebih 27,000
ekor ayam
bagi satu sesi
di kawasan
ladang seluas
20 ekar di
Hulu Langat,
Selangor.

Menurut beliau, ladang yang mula diusahakan sejak 2014 itu mempunyai 18 kandang, dengan sejumlah 1,500 ekor ayam mampu dimuatkan dalam satu kandang.

“Ayam yang ditenak di ladang ini adalah 100 peratus organik tanpa menggunakan suntikan antibiotik dan hormon, dan permintaan terhadap bekalan ayam organik adalah sangat tinggi.

“Justeru, ini menguatkan lagi keazaman saya untuk menggandakan usaha menghasilkan bekalan ayam organik yang berkualiti dan bermutu tinggi dalam jumlah yang besar bagi memenuhi permintaan pasaran, dan ini sekali gus mampu menghasilkan pulangan pendapatan yang lumayan,” katanya ketika menerima kunjungan daripada Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang di ladang beliau, baru-baru ini.

Dr. Toong berkata, melihat kepada perniagaan ternakan ayamnya yang semakin berkembang, beliau kemudiannya mengambil peluang untuk memasarkan pula telur ayam organik dan makanan ayam organik

“Penghasilan telur ayam ini dilakukan di kawasan ladang seluas setengah ekar, manakala makanan ayam organik pula dihasilkan di sebuah kilang pemprosesan berkeluasan 1,500 kaki persegi, dan kedua-dua operasi ini baru bermula pada bulan Oktober tahun ini.

“Setakat ini, kami mempunyai dua buah kandang bagi menempatkan 3,000 ekor ayam penelur, dan keunikan telur yang dihasilkan tersebut adalah 100 peratus organik serta kaya dengan kandungan vitamin E,” katanya lagi.

Dr. Toong menambah, dengan harga jualan runcit bagi telur ayam adalah sekitar RM18 sekilo, beliau yakin mampu meraih pendapatan mencecah RM900,000 setahun.

“Bagi makanan ayam organik pula, pengeluaran sebulan mampu mencecah 40 tan sebulan, dan untuk itu kami juga merancang untuk pembesaran kilang pada masa hadapan bagi menampung sekiranya berlaku peningkatan

pengeluaran tersebut,” ujar beliau.

Beliau turut mempelawa mana-mana Alumni UMS yang berminat untuk berkongsi ilmu atau menjalinkan hubungan perniagaan, serta sentiasa membuka pintu buat pelajar UMS yang berminat untuk melakukan latihan industri di tempat beliau.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Pusat Alumni UMS di talian 017-6809371.